

# Kebebasan beragama terus dikekalkan — PM

U. 25 MAR 1994

**K**UALA LUMPUR 24 Mac — Kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah akan terus mengekalkan kebebasan beragama di negeri itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, umat Islam di Sabah perlulah bertindak adil kepada masyarakat bukan Islam dengan tidak mengabaikan tanggungjawab kebajikan terhadap mereka dan tidak memaksa mereka memeluk Islam.

“Pada masa lampau kerajaan negeri di bawah pemimpin Islam begitu ghairah untuk mengis-

lamkan rakyat yang bukan Islam.

“Mereka bertindak demikian kerana melihat Kerajaan Pusat berpegang kuat kepada Islam dan menunjukkan mereka menggunakan kuasa dengan cara yang salah,” katanya.

## Dialog

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi dialog dengan peserta-peserta Persidangan Islam dan Toleransi sempena perasmian bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini, hari ini.

Bagaimanapun, kata

Perdana Menteri, tindakan pemimpin berkenaan telah ditegur oleh Kerajaan Pusat dan menasihatkan mereka supaya jangan bertindak demikian.

“Mereka boleh berbuat demikian (menyeru untuk memeluk Islam) tetapi tidak harus memaksa mereka yang bukan Islam untuk memeluk Islam,” katanya.

Perdana Menteri berkata, keinginan pemimpin-pemimpin sebelum ini untuk mengislamkan rakyat bukan Islam adalah terlalu kuat.

“Oleh itu di Sabah anda mendapati ada rakyatnya yang memeluk agama Is-

lam sehingga tiga kali. Ia sama sekali bukan usaha pengislaman tetapi merupakan keperluan politik,” kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Profesor Dr. Fathi Othman dari Universiti California, Amerika Syarikat yang ingin mengetahui mengenai tindakan kerajaan bagi merapatkan hubungan di kalangan rakyat yang berbeza agama dan etnik.

Perdana Menteri berkata, penguasaan semula BN di Sabah akan membolehkan mereka berusaha untuk mengimbangkan keadaan dari segi

mewujudkan hubungan rapat di kalangan rakyat negeri itu.

“Kita sedang berusaha untuk mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara rakyat yang berbeza agama di Sabah seperti yang kita lihat di Semenanjung.

“Bagi tujuan itu, kita cuba memberi jawatan Ketua Menteri mengikut giliran bagi tempoh setiap dua tahun.

“Bagi dua tahun pertama ia akan disandang oleh seorang pemimpin beragama Islam dan kemudiannya diikuti oleh Kristian dan Buddha,” kata beliau.